

FAQ

PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK ICT AGENSI SEKTOR AWAM

BIL	SOALAN	JAWAPAN
UMUM		
1	Apakah rujukan pekeliling yang dijadikan panduan bagi permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT agensi Sektor Awam?	Surat Pekeliling Am (SPA) Bilangan 7 Tahun 2024 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam.
2	Apakah skop dan had nilai kelulusan JTISA?	<p>Skop dan had nilai projek ICT yang ditetapkan JTISA seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pembangunan sistem aplikasi: Projek bernilai RM5 juta atau lebih; b) Perkakasan: Projek bernilai RM10 juta atau lebih; c) Perisian: Projek bernilai RM10 juta atau lebih; d) Rangkaian dan peralatan rangkaian: Projek bernilai RM10 juta atau lebih; e) Perkhidmatan ICT: Projek bernilai RM10 juta atau lebih; f) Gabungan (a) hingga (e): Projek bernilai RM10 juta atau lebih; dan g) Gabungan (a) hingga (e) yang dilaksanakan bersama dengan projek fizikal: Projek bernilai RM10 juta atau lebih.
3	Berapa lama tempoh sah laku surat kelulusan JTISA?	Tempoh sah laku adalah tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan JTISA.
4	Adakah terdapat keperluan bagi agensi berstatus <i>Government Link Company</i> (GLC) memohon kelulusan JTISA?	Tidak. Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan/ Government- Linked Investment Companies (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan/ Government- Linked Companies (GLC) merupakan Badan Tidak Berkanun.
5	Sekiranya terdapat perubahan skop atau kos atau tempoh projek bagi projek yang telah diluluskan oleh JTISA, adakah	<p>a) Projek yang telah mendapat kelulusan teknikal JTISA dan proses perolehan belum atau sedang dilaksana dan berlaku perubahan skop atau kos spesifikasi atau kuantiti atau</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	agensi perlu mengangkat permohonan kelulusan perubahan ini?	<p>tempoh projek, hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada JTISA melalui JPICT Kementerian; dan</p> <p>b) Projek yang telah dalam pelaksanaan dan berlaku perubahan skop projek, kos, spesifikasi, kuantiti dan tempoh hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek Kementerian/ Agensi dan memaklumkan secara rasmi kepada JPICT Kementerian/ Agensi.</p>
6	Adakah terdapat keperluan kelulusan teknikal JTISA sebelum permohonan peruntukan Rancangan Malaysia <i>Rolling Plan</i> daripada Kementerian Ekonomi?	Ya. Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13, Kementerian/ Agensi perlu mendapatkan kelulusan teknikal JTISA sebelum permohonan peruntukan Rancangan Malaysia <i>Rolling Plan</i> daripada Kementerian Ekonomi.
KRITERIA PENILAIAN		
7	Apakah kriteria penilaian oleh JTISA?	<p>Kriteria penilaian JTISA/JPICT Kementerian/JPICT Agensi adalah berdasarkan perkara berikut:</p> <p>1. Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024:</p> <p>JTISA menilai permohonan projek ICT dari aspek daya maju teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos, memberi pulangan nilai untuk wang (value for money), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.</p> <p>2. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Februari 2025</p> <p>Penilaian projek ICT sektor awam dimantapkan dengan memberi keutamaan kepada projek ICT yang memenuhi kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) projek kritikal dan berimpak tinggi yang memberi kesan kepada rakyat seperti kesihatan awam, pendidikan rakyat, keselamatan negara dan kepentingan ekonomi negara; b) projek kesinambungan yang memerlukan penggantian peralatan dan perisian ICT
8	Apakah kriteria penilaian oleh JPICT Kementerian/Agensi?	

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>yang telah usang (melebihi 10 tahun), <i>End of Life</i> (EOL) dan <i>End of Support</i> (EOS) yang tidak menguntungkan untuk dibaiki;</p> <ul style="list-style-type: none"> c) projek yang menjurus ke arah <i>Enterprise Architecture</i> (EA) Kerajaan bagi mengelakkan pertindihan fungsi aplikasi (perkhidmatan digital), penyimpanan data dan penggunaan platform teknologi secara optimum; d) projek yang mengutamakan penggunaan perkhidmatan guna sama kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk jangka masa panjang (Contoh MyGovUC, MyGovCloud@PDSA, MyGDX); e) projek bukan merupakan sistem sokongan fungsi generik agensi sektor awam yang telah dibangunkan dan digunakan oleh agensi sektor awam. (contoh sistem kehadiran); f) projek perkhidmatan kajian dilaksanakan secara dalaman agensi dengan kerjasama perunding ICT sektor awam; dan g) projek yang mengambil kira teknologi baharu dalam pembangunan perkhidmatan digital kerajaan bagi meningkat kecekapan penyampaian perkhidmatan.
PENGECUALIAN JTISA		
9	Apakah perolehan yang DIKECUALIKAN kelulusan teknikal JTISA?	<p>Perolehan yang DIKECUALIKAN kelulusan teknikal JTISA adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Projek RAHSIA BESAR; b) Perkhidmatan sewaan perkakasan ICT; c) Perkhidmatan penyenggaraan perkakasan ICT, pembaharuan lesen perisian dan penyenggaraan sistem aplikasi; d) Perkhidmatan Perunding ICT Secara Penyumberluaran (Outsourcing); e) Lanjutan perkhidmatan langganan maklumat/ data/ lesen/ pengkomputeran awan dengan pembekal yang sama tanpa perubahan skop asal (dalam kontrak yang sama); f) Peningkatan kapasiti perkhidmatan pengkomputeran awan daripada <i>Cloud Service Provider</i> (CSP) sedia ada berdasarkan <i>Cloud Framework Agreement</i> (CFA); dan g) Pelaksanaan <i>Request for Proposal</i> (RFP) bagi mendapatkan cadangan teknikal dan anggaran kos projek.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
PERKHIDMATAN PERUNDING ICT SECARA OUTSOURCING		
10	Bagaimanakah proses permohonan perolehan ICT yang memerlukan perkhidmatan Perunding ICT Secara <i>Outsourcing</i> ?	Permohonan perolehan ICT yang memerlukan perkhidmatan Perunding ICT Secara <i>Outsourcing</i> adalah dikecualikan daripada kelulusan teknikal JTISA. Kementerian/ Agensi boleh merujuk kepada Bahagian Perundingan Digital, Jabatan Digital Negara (JDN) berkaitan perkara ini.
LAIN-LAIN		
11	<p>Adakah Kementerian/Agensi boleh melantik JDN sebagai ahli tetap dalam jawatankuasa berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian/Agensi; b) Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Kementerian/Agensi; c) Jawatankuasa Pemandu Projek ICT Kementerian/Agensi; d) Jawatankuasa Penilaian Tender peringkat Kementerian/Agensi; dan e) Jawatankuasa Rundingan Harga. 	<p>Semua pegawai JDN tidak boleh dilantik sebagai ahli tetap bagi (a), (b) dan (c).</p> <p>Pegawai JDN yang terlibat sebagai Ahli JTISA, Urus Setia JTISA, Ahli Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT Sektor Awam (JPPI), Urus Setia JPPI dan Perunding ICT JDN tidak boleh dilantik sebagai ahli tetap dalam jawatankuasa (a) hingga (e) bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest) dengan peranan JDN sebagai urus setia dan ahli JTISA yang berperanan dalam menilai dan menimbang kelulusan teknikal Projek ICT Sektor Awam. JDN juga berperanan sebagai Urus Setia dan Ahli JPPI bagi memantau pelaksanaan Projek ICT.</p> <p>JDN bersedia menawarkan khidmat rundingan atau khidmat nasihat ICT dan akan hadir mesyuarat berdasarkan permohonan secara rasmi kepada Ketua Pengarah JDN bagi membantu kelancaran pelaksanaan projek ICT agensi.</p>
12	<p>Adakah Ahli JTISA dan JPPI dari JDN dan Kementerian/Agensi boleh dilantik sebagai ahli tetap dalam jawatankuasa di Kementerian/Agensi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian/Agensi; b) Jawatankuasa Teknikal Projek ICT Kementerian/Agensi; c) Jawatankuasa Pemandu Projek ICT Kementerian/Agensi; 	Mesyuarat JTISA Bil. 9 Tahun 2024 bertarikh 25 Oktober 2025 telah memberi pengecualian kepada Ahli JTISA dan Ahli JPPI dari JDN dan Kementerian/Agensi untuk dilantik sebagai ahli tetap dalam jawatankuasa tersebut di Kementerian/Agensi masing-masing.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	d) Jawatankuasa Penilaian Tender peringkat Kementerian/Agensi; dan e) Jawatankuasa Rundingan Harga.	